

24 AUG 1997

Mahathir-Kuda

MINAT DR MAHATHIR MENUNGGANG KUDA BERMULA 12 TAHUN LEPAS

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bercakap mengenai minat pertamanya menunggang kuda yang bermula 12 tahun lepas.

Katanya beliau berminat untuk menunggang kuda selepas tertarik dengan kehebatan pengawal berkuda semasa beliau melawat Pakistan ketika Zia Ul-Haq menjadi Presiden negara itu.

"Saya terfikir jika saya menunggang salah seekor kuda itu, saya akan juga kelihatan hebat seperti mereka ... terlupa yang saya tidak memiliki saiz dan ketinggian pengawal-pengawal itu," katanya berseloroh.

Dr Mahathir berkata ketika itu beliau bersedia untuk membeli dua ekor kuda dari Pakistan tetapi apabila Zia Ul-Haq mendengar niat saya itu, dia telah menghadiahkan dua ekor kuda kepada saya.

"Walaupun saya menerima hadiah itu, saya telah mengisytiharkannya kepada kerajaan, dan kedua-dua kuda itu kemudian diserahkan kepada pasukan polis," katanya pada upacara menandatangani perjanjian program Rakan Muda antara Persatuan Equestrian Malaysia dan Ibex Corporation Amalgamated Corporation Sdn Bhd di Kelab Equestrian Bukit Kiara di sini.

"Saya mungkin memulakan latihan menunggang kuda ketika berusia 60 tahun ... tetapi saya berpendapat ia umur yang sesuai," katanya.

Dr Mahathir juga memberi beberapa petua kepada orang-orang baru dalam sukan berkuda.

"Kepada penunggang baru, mereka perlu jatuh tiga kali untuk mendapatkan kemahiran dalam menunggang kuda ... tetapi untuk mengelakkan daripada jatuh yang tidak dikehendaki itu ... anda mesti jatuh tiga kali dengan sengaja," katanya, disambut dengan tepukan gemurah pada hadirin. -- BERNAMA

RHM AHH